

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : **BERTULIS**
DARIPADA : **YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN**
KAWASAN : **KOTA BHARU**

SOALAN:

YB. DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah rancangan Kerajaan terhadap lebuh raya bertol setelah konsesi pemegang konsesi tamat tempoh.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penswastaan lebuh raya bertol di negara ini secara tradisinya dilaksanakan menerusi kaedah Bina-Kendali-Pindah (BOT). Ini bermakna lebuh raya tersebut akan dibina oleh syarikat konsesi menerusi pembiayaan swasta. Sebagai balasan syarikat konsesi dibenarkan untuk mengutip tol daripada pengguna yang menggunakan perkhidmatan lebuh raya berkenaan bagi satu tempoh masa tertentu. Lebuh raya tersebut kemudian perlu diserahkan kembali kepada Kerajaan tanpa sebarang kos pada akhir tempoh konsesi. Lebuh raya yang telah tamat tempoh konsesi itu akan kekal beroperasi dan diselenggara menerusi peruntukan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
DARIPADA [KOTA BHARU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Dato' Takiyuddin bin Hassan [Kota Bharu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapakah bilangan Sekolah Berprestasi Tinggi dan Sekolah Kluster Kecemerlangan mengikut negeri.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat

Bilangan sekolah yang telah diiktiraf sebagai Sekolah Berprestasi Tinggi berjumlah 132 buah. Jumlah sekolah yang telah diiktiraf sebagai Sekolah Kluster Kecemerlangan ialah 545 buah.

**MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH
BIN NIK ABDUL AZIZ
[PASIR MAS]**

SOALAN : 340

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan sejauh mana falsafah pendidikan kanak-kanak dalam Islam diberikan perhatian dalam merangka kurikulum dan usaha menambah baik mata pelajaran yang diajar di Taman Bimbingan Kanak-Kanak (Tabika) Kemas.

JAWAPAN :

Tuan Yang DiPertua,

Mulai tahun 2010 hingga sekarang, semua Tabika KEMAS mengguna pakai Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang digubal oleh Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai garis panduan untuk pengajaran dan pembelajaran.

Tuan Yang DiPertua,

KSPK ini bertujuan untuk memperkembangkan potensi kanak-kanak secara menyeluruh dari segi sosial, emosi, fizikal, intelek dan rohani melalui persekitaran pembelajaran yang selamat, menyuburkan serta aktiviti yang menyeronokkan, kreatif dan bermakna.

Setelah melalui proses pembelajaran menggunakan kurikulum ini, seorang kanak-kanak akan dapat meningkatkan kemahiran literasi dan numerasi asas murid dipertingkatkan, keyakinan dibangunkan dan konsep kendiri yang positif pada diri kanak-kanak dipupuk. Ini adalah untuk menyediakan murid agar mereka berupaya menyesuaikan diri dengan persekitaran sedia ada dan bersedia untuk menangani cabaran bagi kelangsungan pembelajaran seterusnya

Ianya berasaskan kepada sistem pendidikan Negara yang memberi penekanan kepada:

- Pembangunan modul insan
- Penghasilan pelajar celik minda
- Pembentukan warga yang menguasai ilmu, kemahiran dan maklumat
- Program membangunkan akal manusia dalam melahirkan insan yang berfikiran kritis, kreatif dan inovatif

Melalui perlaksanaan KSPK dalam Tunjang Kerohanian, Sikap dan Nilai iaitu selama 2 jam dalam sesi pembelajaran Modul Pendidikan Islam. Kanak-kanak diberi pendedahan dan pendekatan mengenai asas Al Quran dan Jawi, pembentukan aqidah, pemupukan asas ibadah, menyuburkan adab akhlak serta pengenalan kepada sirah.

Tuan Yang DiPertua,

Bagi meningkatkan kualiti dan penampaikan telah diperkenalkan dan dilaksanakan Modul Pendidikan Penghayatan Islam (PPI) yang bermula pada tahun 2016 yang mana pembelajaran di kelas Tabika KEMAS ditambah sebanyak satu (1) jam sehari selepas waktu

kelas. Keseluruhan pengajaran dan pembelajaran bagi modul PPI berjumlah 5 jam seminggu. Pengajaran dan Pembelajaran memberi penekanan kepada modul pendidikan Islam dengan lebih terperinci dan praktikal selaras dengan KSPK dalam tunjang kerohanian, sikap dan nilai. Modul PPI ini mengandungi dua (2) pendekatan utama iaitu Ibadah dan Al-Quran.

Perlaksanaan modul ini dilaksanakan di semua Tabika KEMAS secara berperingkat dengan melatih semua guru terlebih dahulu agar matlamat dan objektif modul PPI dapat dicapai selaras dengan falsafah pendidikan kanak-kanak dalam konsep Islam.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN NIK MOHAMAD
ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

SOALAN :

YB Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah bagi meneliti keberkesanan peranan Unit Integriti dan Pelan Pengurusan Risiko (PPR) yang diwujudkan bagi mengatasi kes salah laku di kalangan penjawat awam yang dilihat semakin berleluasa sejak kebelakangan ini.